

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING  
(KULAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.03.2014**

**Y.B. PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan bilangan restoran yang mengutip cukai perkhidmatan setakat ini dan bilangan restoran yang akan mengutip GST selepas 1 April, 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan daripada lima (5) Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu YB Bandar Tun Razak (20 Mac), YB Labis (24 Mac dan 8 April), YB Tanjong (25 Mac), YB

Pandan (26 Mac dan 31 Mac) dan YB Kuala Selangor (27 Mac).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bilangan pengusaha restoran yang mengutip GST dijangka sebanyak 15,542 buah apabila GST dilaksanakan berbanding semasa cukai perkhidmatan di 4357 buah restoran.

Tuan Yang Dipertua,

GST atau Cukai Barang dan Perkhidmatan merupakan salah satu langkah kerajaan dalam menyusun semula struktur percukaian negara supaya lebih telus, cekap dan mesra peniaga. Langkah ini adalah juga selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperkukuhkan kedudukan fiskal negara demi kesejahteraan rakyat. GST bukan merupakan cukai baharu tetapi menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan. Kerajaan mendapati terdapat kelemahan dalam sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada yang perlu diatasi seperti kesan cukai berganda di mana pengguna sekarang terpaksa membayar harga yang lebih tinggi dan isu

pemindahan harga (*transfer pricing*) yang memberi kesan kepada kutipan hasil. Oleh itu, pelaksanaan GST mampu mengatasi kesan negatif kepada negara dan pengguna.

GST dijangka memberi kesan sementara kepada Indeks Harga Pengguna (IHP) hanya pada kadar sebanyak 1.8 peratus. Bagi memastikan kepentingan semua lapisan masyarakat diambilkira, GST akan dikecualikan bagi kategori barangan keperluan asas yang akan dikenakan pada kadar sifar manakala perkhidmatan asas seperti kesihatan dan pendidikan swasta, pengangkutan awam, tol dan rumah kediaman sebagai dikecualikan.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, golongan berpendapatan RM1,000 ke bawah membelanjakan lebih 33.4 peratus daripada pendapatan mereka ke atas makanan dan minuman, manakala 31.4 peratus lagi bagi perumahan, air, elektrik dan bahan api lain. Dengan jumlah 64.8 peratus ini, hampir kesemua barangan dan perkhidmatan ini akan dikecualikan daripada GST.

Bagi meringankan beban rakyat, Kerajaan akan menyediakan pakej bantuan berikut kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana:

i. bantuan tunai secara *one-off* berjumlah RM300 kepada penerima

Bantuan Rakyat 1Malaysia bagi tahun 2015; dan

i. kadar cukai pendapatan persendirian dikurangkan di antara satu

peratus sehingga tiga peratus bagi semua kumpulan pendapatan

a.

Bagi mengatasi kenaikan harga oleh peniaga, Kerajaan telah menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 pada 1 April 2011. Dengan adanya Akta ini yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), pihak KPDNKK sedang mengambil langkah bagi memperkukuhkan Unit Penguatkuasaannya untuk memastikan peniaga tidak akan dapat menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya.

Bagi membantu pengguna mengetahui harga barangan dan perkhidmatan, Kerajaan akan menyediakan Panduan Pengguna atau

*Shopper's guide* sebagai maklumat kepada perubahan harga, sebelum GST dilaksanakan.

Kerajaan juga akan memberi pelbagai bantuan sokongan kepada peniaga setelah mengambil kira kos persediaan yang perlu ditanggung oleh mereka seperti kos menyediakan perisian perakaunan (termasuk naik taraf sistem sedia ada) dan kos memfailkan borang cukai. Di samping itu, mereka perlu mendaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk membolehkan mereka menuntut kembali GST yang dibayar atas input perniagaan.

Program kesedaran dan latihan GST telah dijalankan semenjak tahun 2010 kepada tiga golongan sasaran iaitu pengguna, peniaga dan jabatan Kerajaan. Program penerangan GST kepada pelajar-pelajar sekolah, IPTA dan IPTS serta penduduk kampung juga turut dilaksanakan. Sehingga 28 Februari 2014, sebanyak 4,967 program telah dijalankan dan dihadiri oleh 271,288 orang.

Bagi golongan peniaga yang merupakan kumpulan kritikal dalam pelaksanaan GST, Kerajaan telah merangka dan sedang menjalankan program-program taklimat dan latihan melalui tiga kaedah iaitu samada dianjurkan sendiri oleh pihak Kerajaan atau pihak swasta ataupun secara bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta.

Tuan Yang DiPertua,

Perbelanjaan yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan termasuk :

1. RM98 juta bagi sistem perkomputeran GST yang telah siap dibangunkan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (tahun 2013/2014)
2. RM150 juta penyediaan perisian perakaunan bersubsidi kepada syarikat kecil/sederhana PKS/SME yang sedang diuruskan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (RM125 juta : 2014; RM25 juta : 2015). Perisian ini akan dikendalikan oleh 55 syarikat yang dipilih oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia;
3. RM100 juta bagi geran latihan kursus/penerapan kepada peniaga yang

diuruskan oleh Kementerian Kewangan (RM50 juta : 2013; RM50 juta : 2014);  
dan

4. RM17 juta bagi program publisiti melalui pelbagai saluran media seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio, dan *billboard* serta melalui media sosial iaitu *blogspot*, laman web, *twitter* dan *Facebook*

Berkenaan kos pelaksanaan GST di negara-negara lain, kos sebenar yang berbangkit adalah berbeza dan tidak didedah melalui terbitan rasmi.